



HADIR...Tun Juhar (dua kiri) dan Toh Puan Norlidah (dua kanan) bersama Dr Mohd Harun (kiri sekali) pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri anjuran Universiti Malaysia Sabah.

Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri UMS rapatkan hubungan silaturahmi

NST 29.8.2013 2
KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Majlis Rumah Terbukanya sempena Hari Raya Aidilfitri di Kompleks Dewan Kuliah Pusat Ke-2, pagi kelmarin.

Pendaftar UMS, Lt. Kol (K) Datuk Abdullah Hj. Mohd Said berkata majlis tahunan itu diadakan untuk memberi peluang kepada semua warga UMS untuk merapatkan hubungan silaturahmi dan mewujudkan semangat kekeluargaan bagi mengukuhkan perpaduan sesama mereka.

Majlis Rumah Terbuka yang bermula pada jam 10 pagi itu diserikan dengan pertandingan gerai aneka juadah terbaik yang bertujuan untuk menggalakkan penyertaan warga UMS sambil menghayati hubungan persaudaraan di antara mereka yang terdiri daripada berbilang kaum dan agama.

Johan bagi pertandingan itu dimenangi oleh Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial dan menerima wang tunai RM1,500 berserta sijil, tempat kedua dimenangi oleh Sekolah Pengajian Seni dan menerima wang tunai RM1,000 berserta sijil manakala tempat ketiga dimenangi oleh Institut Biologi Tropika Pemuliharaan dan menerima wang tunai RM500 berserta sijil.

Pertandingan itu disertai oleh 31 jabatan, sekolah, pusat, institut termasuk Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita UMS.

Turut hadir, Yang Di-Pertua Negeri Sabah merangkap Canselor UMS, Tun Haji Juhar Datuk Haji Mahiruddin bersama Toh Puan Hajah Norlidah binti Datuk R.M Jasni dan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.



CENDERA KENANGAN... Dr Harun (tengah) menyampaikan cendera kenangan kepada Tun Juhar sambil diperhatikan oleh Abdullah.



GERAI TERBAIK...Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial memenangi pertandingan gerai.